

Memartabatkan institusi fatwa

BAGI mewujudkan kerjasama untuk memartabatkan institusi fatwa supaya sentiasa maju dalam menghadapi permasalahan umat Islam sejagat, satu memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani antara Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Akademi Fiqh Islam India (IFA-India) untuk memenuhi hasrat itu.

Hubungan kerjasama itu adalah bertepatan dengan hasrat Institusi Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) untuk menjadi sebuah institusi penyelidikan, perundingan dan pusat pengurusan maklumat berkaitan fatwa bertaraf dunia, berwibawa serta dikenali. Ini sekali gus membolehkannya mendapat pengiktirafan semua peringkat sama ada tempatan, serantau atau antarabangsa.

MoU berkenaan juga meliputi pengurusan fatwa, penyelidikan, seminar dan latihan, khidmat kepakaran serta penerbitan.

Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata kerjasama berkenaan bertujuan memperkenalkan asas tunjang fatwa di dunia, pembelajaran dan isi kandungannya, dimensi yang berbeza serta penghasilan kajian menyeluruh.

Ia juga adalah untuk memperkenalkan sistem pengurusan bagi pusat mufti dan seumpamanya dalam usaha memajukan serta pengurusan maklumat berkaitan fatwa dan kaedah terkini.

"Bagi merealisasikan tujuan murni ini, kami sudah merangka pelbagai aktiviti ilmiah dan kajian yang mengandungi hubung kait dengan pengurusan ilmu fatwa.



SEPAKAT... Sheikh Badrul Hasan dan Dr Abdul Shukor menandatangani MoU bagi mewujudkan kerjasama untuk memartabatkan institusi fatwa.

"Selain itu, MoU ini cenderung dalam memperkasakan hubungan serantau antara pusat ilmu di dunia sekali gus mewujudkan hubungan baik bersama IFA-India yang dikenali sebagai pusat ilmu termaju di dunia," katanya.

Menerusi hubungan dua hala itu, kata Dr Abdul Shukor, Majlis Feqah Islam, India juga akan berperanan untuk memberi khidmat dan bimbingan mengenai isu komtemporari berkaitan realiti semasa umat Islam serantau dan meningkatkan kerjasama di kalangan ulama dalam usaha mengkaji

isu semasa.

"Saya berharap kerjasama erat antara Usim, Infad dan IFA-India menjadi contoh dan tunjang penting iaitu hubungan serantau yang kukuh serta komitmen untuk umat Islam pada masa akan datang," katanya.

Selain Datuk Dr Abdul Shukor, memorandum ditandatangani Pendaftar Usim, Muhamad Haizan Rozali dan Naib Presiden IFA-India, Sheikh Badrul Hasan Al-Qasimi serta Setiausaha IFA-India, Sheikh Khalid Saifullah Al-Rahmani.